

Sinar Harian 29/3/2018 m/s 18

# Bot lupus jadi tukun



Tiga buah bot untuk ditenggelamkan dan dijadikan tukun. Kontraktor (paling kanan) memulakan kerja-kerja penenggelaman bot.

Bagi pembiakan ikan,  
pemuliharaan biodiversiti  
marin

FARAH SHAZWANI ALI

KUALA TERENGGANU

Tiga bot yang telah dilucutkan hak dan dilupuskan, berjaya ditenggelamkan untuk dijadikan tukun tiruan peranti pemuliharaan biodiversiti di perairan Pulau Kapas, Marang, semalam.

Proses penenggelaman bot tersebut dilakukan hasil kerjasama antara Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) dan Jabatan Taman Laut serta dikawal selia oleh agensi yang berkaitan seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Laut dan Jabatan Perikanan.

Proses penenggelaman bot berkenaan bermula jam 11.10 pagi dan selesai pada jam 11.25 pagi, iaitu di kedudukan kira-kira satu batu nautika dari Pulau Kapas.

Pengarah Jabatan Taman Laut Terengganu, Muhammad Nur Ashry Bassari berkata, kewujudan tukun tiruan itu diharap akan membantu pemuliharaan biodiversiti marin, seterusnya menjamin keindahan dan kekayaan alam marin di Pulau Kapas.

"Proses penenggelaman bot ini bermula dengan kontraktor yang dilantik Maritim akan memotong dinding bot agar air dapat masuk. Lubang yang ada juga dibuka untuk mempercepatkan proses air masuk ke dalam bot.

"Proses itu mengambil masa kira-kira 15 minit. Apabila tenggelam sepenuhnya, pakar kita dari Jabatan Taman Laut akan menyelam dan tengok posisi bot sama ada tegak atau miring. Kita perlu pastikan bila kita letakkan di kawasan itu, ia tidak akan mengganggu laluan bot.

"Kedalaman lokasi itu kira-kira meter dan bot yang dijadikan tukun itu mempunyai ke-

**info** • Proses tersebut dilakukan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) dan Jabatan Taman Laut

tinggian antara empat ke lima meter. Jadi, ada lebih kedalaman kira-kira enam meter. Jika kurang, kita perlu ubah balik posisi bagi memastikan keselamatan bot-bot yang melalui kawasan itu terjamin," katanya.

Jelas beliau, lokasi penenggelaman bot itu kira-kira 0.4 batu nautika dari Pulau Gemia, yang merupakan salah satu kawasan Taman Laut bagi Pulau Kapas.

"Bila dijadikan tukun, ia akan bantu kita pulihkan balik biodiversiti, kerana tukun ini akan menjadi rumah bagi hidupan marin. Biasanya, ia menjadi tempat ikan kecil berlindung dan menjadi tempat pembiakan karang dan ikan," jelasnya.

**Kurangkan kesesakan bot di pusat tahanan vesel**

Timbalan Pengarah Maritim (Operasi) DM 9 Kuala Terengganu, Komander Maritim Simon Templer Lo Tusa berkata, bot yang terlibat dalam operasi pelupusan itu terdiri dari sebuah bot nelayan asing berpendaftaran Vietnam yang ditahan pada tahun 2016 serta dua bot tempatan yang dilupuskan, setelah selesai melalui proses perundangan daripada pihak mahkamah.

"Bot yang ingin dilupuskan ini sebenarnya melalui beberapa proses, iaitu setelah selesai melalui proses perundangan, ia akan diserahkan kepada Pejabat Perbendaharaan untuk kelulusan pelupusan," katanya.

Sepanjang tahun lalu katanya, lima bot telah diberikan kepada Jabatan Perikanan Terengganu dan persatuan nelayan untuk dilupuskan dan dijadikan tukun.

Proses pelupusan ini juga secara tidak langsung dapat mengurangkan kesesakan bot yang ditahan di Pusat Tahanan Vesel Daerah Maritim 9 Kuala Terengganu.



Simon (kiri) dan Muhammad Nur Ashry (kanan) sewaktu sidang media selepas operasi berkenaan.